

Projek PIKAS terap tatakelola tegas

Tidak boleh tolak ansur terhadap kecurangan bagi pastikan kejayaan projek

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Cyberjaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu setiap projek dalam Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) diterapkan prinsip tatakelola yang tetap, tegas dan tidak bertolak ansur terhadap sebarang kecurangan.

Perdana Menteri berkata, sebarang projek penswastan juga perlu mengambil kira tiga perkara utama iaitu kadar upah, perumahan dan aspek pendidikan anak pekerja.

"Apabila kita memulakan penswastan (buat pertama kali), kita catat banyak kemajuan tetapi sering kali kita lupa mengenai kerangka asas dan hala tuju negara.

"Sebab itu, dalam projek PIKAS ini, mesti diterapkan prinsip tatakelola yang tetap, tegas dan tidak bertolak ansur (terhadap sebarang kecurangan).

"Mesti juga memikirkan soal keluarga (pekerja syarikat) yang mampu mendirikan syarikat itu, kemampuan keluarga maknanya kadar upah, perumahan dan pendidikan mengikut kadar dan keupayaan syarikat," katanya.



Anwar bersama Fadillah, Amirudin (dua dari kanan) dan Shamsul Azri (kiri) pada Majlis Peluncuran Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) 2030 di Cyberjaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) 2030 di sini, semalam.

Majlis tersebut turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Perlindungan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Anwar mengakui, sejak kerjasama awam-swasta (PPP) dilaksanakan mulai 1981 dan ketika beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri serta Menteri Kewangan pada 1991, pelbagai pelan dilakar, namun banyak yang perlu diperbaiki dari segi tatakelola.

Katanya, daripada 510 projek PPP yang dilaksanakan setakat ini, sebahagian besar mengikut

kaedah yang ketat, namun ada juga yang menunjukkan kelemahan kerana tidak diselaras mengikut kaedah ditetapkan.

"Soal sumbangan PPP, tidak dipertikai, umpamanya sumbangan lebih RM50.5 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan (mewujudkan) peluang pekerjaan kepada lebih 600,000 (orang), itu angka membanggakan," katanya.

Lakukan perubahan

Beliau yang juga Menteri Kewangan, menegaskan perubahan mesti dilakukan dari segi cara dan kaedah jika mahu bersama menjadi penyumbang utama dan tenaga penggerak untuk menjaya negara Malaysia baharu yang berpotensi menjadi negara hebat serta maju.

"Negara pada era pasca normal menuntut kaedah berbeza, tak

mungkin kita kekalkan pelan 20 tahun lalu untuk mencapai kemajuan 10 tahun akan datang.

"Apa yang disebut era pasca normal itu menuntut satu perubahan pesat, sama juga teknologi dengan AI (kecerdasan buatan), itu memungkinkan perubahan dalam sekelip mata," katanya.

Anwar menjelaskan, jika semua perkara dibangkitkan itu diberi penekanan, beliau yakin konsep MADANI memberi makna jelas kepada ekonomi yang prihatin serta mampan kerana ia bukan sekadar dari sudut keuntungan dan kelestarian sahaja.

"Kemampuan mengambil kira aspek yang menyeluruh untuk mengangkat martabat insan itu sendiri, dimensi keinsanan dalam pembangunan," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Anwar berkata, Malaysia mendapat pengiktirafan lebih

PELAN INDUK KERJASAMA AWAM-SWASTA (PIKAS) 2030

- Menyediakan lanskap kerjasama awam-swasta (PPP) yang teguh dan mampan memacu kesejahteraan negara.

TIGA OBJEKTIF UTAMA

- Meningkatkan pelaburan swasta sebanyak **RM78 bilion**.
- Menjana sumbangan KDNK sebanyak **RM82 bilion**.
- Meningkatkan peluang pekerjaan sebanyak **900,000** menjelang 2030.

4 TERAS STRATEGIK

Teras Strategik 1

Menambah baik ekosistem PPP untuk membantu penyampaian perkhidmatan yang cekap.

Teras Strategik 2

Memusat penyelarasan untuk mengukuhkan pelaksanaan PPP.

Teras Strategik 3

Memperluas model PPP untuk mempelbagai projek.

Teras Strategik 4

Menambah baik mekanisme pembiayaan PPP untuk merencanakan pelaburan mampan.

Infografik BH

baik peringkat antarabangsa berbanding sebelumnya, hasil kerjasama dengan kuasa besar seperti China dan Russia tanpa menjejaskan hubungan sedia ada dengan rakan dagangan tradisional termasuk ASEAN, Eropah dan Amerika Syarikat (AS).